

06 JUL 1999

Pertahanan (Bergambar)

MAJLIS INDUSTRI PERTAHANAN DILANCAR BULAN INI

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Kementerian Pertahanan akan melancarkan Majlis Industri Pertahanan Malaysia (MIPM) untuk memperkenalkan dasar-dasar proaktif bagi memajukan industri pertahanan negara, kata menteri berkenaan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha.

Katanya majlis itu akan berfungsi sebagai forum bagi membolehkan kerajaan berbincang dengan wakil-wakil syarikat pertahanan tempatan bagi mengenal pasti masalah mereka.

"Apabila kita sudah tahu masalah mereka, senanglah bagi kerajaan untuk memperkenalkan dasar baru bagi membantu syarikat berkenaan," katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Perkhidmatan Kejuruteraan Aeroangkasa (Puspeka) Tentera Udara Diraja Malaysia di pangkalan TUDM Subang hari ini.

Abang Abu Bakar berkata majlis yang beliau pengerusikan itu akan dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan kementerian dan Angkatan Tentera Malaysia.

Majlis itu dianggotai oleh ketua-ketua eksekutif syarikat utama yang terlibat dalam industri pertahanan tempatan.

Abang Abu Bakar juga berkata beliau berpuas hati dengan prestasi Puspeka yang telah diberi tanggungjawab oleh TUDM untuk menghasilkan produk canggih bagi memantapkan pertahanan udara negara.

Puspeka kini terbabit dalam reka bentuk simulator pesawat latihan PC-7, projek peperangan elektronik dan reka bentuk pesawat udara tanpa pemandu.

Tujuh syarikat tempatan terdiri Telekom Malaysia Bhd, Ikramatic System Sdn Bhd, System Consultancy Services Sdn Bhd, Tiara Communication Consultancy Sdn Bhd, Sapura Advance System Sdn Bhd, Pointgate Sdn Bhd dan Modus Sdn Bhd telah membantu Puspeka menghasilkan produk berkenaan menerusi konsep perkongsian bijak.

Abang Abu Bakar berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melakukan lawatan rasmi ke Puspeka pada September ini bagi meninjau perkembangan pusat itu yang ditubuhkan pada 1993.

-- BERNAMA

NY MAI